UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1989/90

Jun 1990

FPC 114 Kimia Am

Masa: (3 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Etanol dan metanol membentuk satu larutan yang hampir-hampir unggul. Tekanan wap etanol ialah 44.5 mm dan tekanan metanol ialah 88.7 mm pada $20^oC$.

   (a) Kirakan pecahan mol metanol dan etanol di dalam larutan yang diperolehi dengan mencampurkan 40 g etanol dengan 80 g metanol.

   (b) Kirakan tekanan-tekanan separa dan tekanan wap total bagi larutan ini, dan pecahan mol etanol di dalam wap.

(10 markah)

(B) Gas propilena, $C_3H_6$, bertindak balas dengan hidrogen dalam kehadiran mangkin platinum untuk membentuk propana, $C_3H_8$, mengikut persamaan

$$C_3H_6\ (g) + H_2\ (g) = C_3H_8\ (g)$$

Satu campuran $C_3H_6$ dan $H_2$ diketahui mengandungi lebih banyak $H_2$ daripada $C_3H_6$ mempunyai tekanan 58 mm di dalam isipadu yang tidak diketahui. Setelah gas itu dilalukan ke atas mangkin platinum, tekanannya ialah 45 mm di dalam isipadu yang sama dan pada suhu yang sama. Berapakah pecahan propilena di dalam campuran asal?

(10 markah)

...3/-

2. (A) Suhu sejuk beku bagi benzena tulen ialah 5.40°C. Apabila 1.15 g sebatian X dilarutkan di dalam 100 g benzena, larutan yang terhasil mempunyai takat sejuk beku 4.95°C. Pemalar penurunan takat sejuk beku molal bagi benzena ialah 5.12. Berapakah berat molekul sebatian X?

(10 markah)

(B) 1.00 g sebatian X menghasilkan 3.410 g $CO_2$ dan 0.555 g $H_2O$ apabila dibakar. Apakah formula empiris bagi sebatian X ini? Apakah formula molekul bagi sebatian X ini?

(10 markah)

3. (A) Ujikaji-ujikaji menunjukkan di dalam larutan tepu barium fluorida, $BaF_2$, di dalam air tulen pada 25°C, kepekatan ion barium ialah $7.6 \times 10^{-3}$ mol/liter. Berapakah kepekatan ion fluorida di dalam larutan ini? Berapakah hasil darab keterlarutan barium fluorida?

(10 markah)

(B) Hitungkan keterlarutan barium fluorida, $BaF_2$

(a) di dalam 0.01 M HF

(b) di dalam 0.01 M $Ba(NO_3)_2$

(10 markah)

4. (A) Hitungkan entalpi pembentukan bagi $Ca(OH)_2(s)$ daripada data berikut:

$H_2(g) + 1/2\ O_2(g) = H_2O(l)$ $\Delta H = -68.3$ kkal
$CaO(s) + H_2O(l) = Ca(OH)_2(s)$ $\Delta H = -15.3$ kkal
$Ca(s) + 1/2\ O_2(g) = CaO(s)$ $\Delta H = -151.8$ kkal

(8 markah)

(B) Data berikut memberikan kepekatan gas butadiena sebagai satu fungsi masa pada $500^{o}K$. Plotkan ln c melawan t dan 1/c melawan t. Tentukan tertib tindak balas dan kirakan pemalar kadar.

| t (saat) | C (mol/liter) |
|---|---|
| 195 | $1.62 \times 10^{-2}$ |
| 604 | $1.47 \times 10^{-2}$ |
| 1246 | $1.29 \times 10^{-2}$ |
| 2180 | $1.10 \times 10^{-2}$ |
| 4140 | $0.89 \times 10^{-2}$ |
| 4655 | $0.80 \times 10^{-2}$ |
| 6210 | $0.68 \times 10^{-2}$ |
| 8135 | $0.57 \times 10^{-2}$ |

(12 markah)

5. (A) Keterlarutan asid benzoik ($C_6H_5COOH$) di dalam air bertambah dengan bertambahnya suhu. Adakah haba terserap atau terbebas ketika asid ini melarut? Adakah $\Delta H$ bagi proses pelarutan itu positif atau negatif? Terangkan dengan

(a) menggunakan prinsip Le Chatelier dan

(b) menggunakan persamaan berikut:

$$\ln \frac{C_2}{C_1} = - \frac{\Delta H}{R} \left(\frac{1}{T_2} - \frac{1}{T_1}\right)$$

di mana $C_1$ dan $C_2$ ialah keterlarutan pada suhu $T_1$ dan $T_2$ masing-masing, $\Delta H$ ialah perubahan entalpi dan R ialah pemalar gas.

(10 markah)

(B) Berdasarkan kaedah VSEPR, bagi setiap ion $ClO_4^-$ dan $I_3^-$ tunjukkan:

(i) Bilangan pasangan elektron valens di sekitar atom pusat.

(ii) Geometri susunan pasangan elektron valens di sekitar atom pusat.

(iii) Orbital hibrid diguna oleh atom pusat ion.

(iv) Bilangan pasangan tersendiri.

(v) Bentuk ion.

(5 markah)

(C) Dengan menggunakan kaedah orbital hibrid, jelaskan serta gambarkan orbital-orbital hibrid dan orbital-orbital p yang diguna oleh atom-atom karbon di dalam pembentukan ikatan $\sigma$ dan $\pi$ pada sebatian alena $CH_2=C=CH_2$.

(5 markah)

6. (A) Berdasarkan Prinsip Pemencilan Pauli, tunjukkan bilangan maksima elektron di dalam sesuatu nombor kuantum prinsipal (n) mengikuti persamaan $2n^2$.

(5 markah)

(B) Tenaga-tenaga pengionan pertama (eV) bagi unsur-unsur kala 2 adalah seperti berikut:

| Li | Be | B | C | N | O | F | Ne |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.4 | 9.3 | 8.3 | 11.3 | 14.5 | 13.6 | 17.4 | 21.6 |

Terangkan:

(i) Mengapa pada amnya tenaga pengionan meningkat dari kiri ke kanan.

(ii) Mengapa tenaga pengionan B lebih rendah berbanding Be dan tenaga pengionan O lebih rendah berbanding N.

(6 markah)

(C) Aturkan turutan saiz jejari (pendek ke panjang) bagi ion-ion berikut:

$O^{2-}$, $F^{-}$, $Na^{+}$, $Mg^{2+}$ dan $Al^{3+}$

Berikan alasan anda.

(5 markah)

(D) Tunjukkan sifat-sifat kemagnetan molekul oksigen dengan menggunakan kaedah:

(i) Teori orbital molekul
(ii) Teori ikatan valens

(4 markah)

...8/-

Jadual 1.1 Pemalar-Pemalar Asas Dalam Kimia Fisikal

| Simbol | Kuantiti Fisikal | |
|---|---|---|
| N | Nombor Avagadro | $6.023 \times 10^{23}$ mol$^{-1}$ |
| F | Pemalar Faraday | 96,500 koulomb per mol elektron |
| e | Cas elektron | $4.80 \times 10^{-10}$ esu<br>$1.60 \times 10^{-19}$ koulomb |
| $m_e$ | Jisim elektron | $9.11 \times 10^{-28}$ g<br>$9.11 \times 10^{-31}$ kg |
| $m_p$ | Jisim proton | $1.67 \times 10^{-24}$ g<br>$1.67 \times 10^{-27}$ kg |
| h | Pemalar Planck | $6.623 \times 10^{-27}$ erg s |
| c | Halaju cahaya | $3.0 \times 10^{10}$ cm s$^{-1}$<br>$3.0 \times 10^{8}$ m s$^{-1}$ |
| R | Pemalar Gas | $8.314 \times 10^{7}$ erg K$^{-1}$ mol$^{-1}$<br>8.314 J K$^{-1}$ mol$^{-1}$<br>0.08205 l-atm K$^{-1}$ mol$^{-1}$<br>1.987 kal K$^{-1}$ mol$^{-1}$a |
| k | Pemalar Boltzman | $1.380 \times 10^{-16}$ erg K$^{-1}$ molekul$^{-1}$<br>$1.380 \times 10^{-23}$ J K$^{-1}$ molekul$^{-1}$ |
| g | graviti | 981 cm s$^{-2}$<br>9.81 m s$^{-2}$ |
| 1 atm | | 76 cm Hg<br>1.013 dine cm$^{-2}$<br>101,325 N m$^{-2}$ |
| $\frac{RT}{F}$ | | 0.0257 volt pada 25°C |
| $2.303 \frac{RT}{F}$ | | 0.0591 volt pada 25°C |
| $a_0$ | jejari Bohr | $0.529 \times 10^{-8}$ cm |

**Faktor-faktor penukar**

1 esu = $1/300 \times 10^{7}$ koulomb
1 kalorie = 4.184 J
1 l-atm = 101.32 J
1 eV = 96,500 J/mol = 23.06 kkal/mol = $1.6 \times 10^{-12}$ erg/elektron



...9/-

Jadual 1.2 Berat-berat Atom ( $^{12}C$ = 12.0000 amu)

| Unsur | Element | Simbol | Nombor | Berat |
|---|---|---|---|---|
| Aktinium | Actinium | Ac | 89 | 227.0278 |
| Aluminum | Aluminum | Al | 13 | 26.98154 |
| Amersium | Americium | Am | 95 | [243] |
| Antimoni | Antimony | Sb | 51 | 121.75 |
| Argentum,perak | Silver | Ag | 47 | 107.868 |
| Argon | Argon | Ar | 18 | 39.948 |
| Arsenik | Arsenic | As | 33 | 74.9216 |
| Arum,emas | Gold | Au | 79 | 196.9665 |
| Astatin | Astatine | At | 85 | [210] |
| Barium | Barium | Ba | 56 | 137.33 |
| Berilium | Berylium | Be | 4 | 9.01218 |
| Berkelium | Berkelium | Bk | 97 | [247] |
| Bismut | Bismuth | Bi | 83 | 208.9804 |
| Boron | Boron | B | 5 | 10.81 |
| Bromin | Bromine | Br | 35 | 79.904 |
| Disprosium | Dysprosium | Dy | 66 | 162.50 |
| Einsteinium | Einsteinium | Es | 99 | [254] |
| Erbium | Erbium | Er | 68 | 167.26 |
| Europium | Europium | Eu | 63 | 151.96 |
| Fermium | Fermium | Fm | 100 | [257] |
| Ferum,besi | Iron | Fe | 26 | 55.847 |
| Fluorin | Fluorine | F | 9 | 18.998403 |
| Fosforus | Phosphorus | P | 15 | 30.97376 |
| Fransium | Francium | Fr | 87 | [223] |
| Gadolinium | Gadolinium | Gd | 64 | 157.25 |
| Galium | Gallium | Ga | 31 | 69.72 |
| Germanium | Germanium | Ge | 32 | 72.59 |
| Hafnium | Hafnium | Hf | 72 | 178.49 |
| Helium | Helium | He | 2 | 4.0026 |
| Hidrogen | Hydrogen | H | 1 | 1.0079 |
| Holmium | Holmium | Ho | 67 | 164.9304 |
| Indium | Indium | In | 49 | 114.82 |
| Iodin | Iodine | I | 53 | 126.9045 |
| Iridium | Iridium | Ir | 77 | 192.22 |
| Iterium | Ytterbium | Yb | 70 | 173.04 |
| Itrium | Yttrium | Y | 39 | 88.9059 |
| Kadium | Cadmium | Cd | 48 | 112.41 |
| Kalifornium | Californium | Cf | 98 | [251] |
| Kalium | Potassium | K | 19 | 39.0983 |
| Kalsium | Calcium | Ca | 20 | 40.08 |
| Karbon | Carbon | C | 6 | 12.011 |
| Klorin | Chlorine | Cl | 17 | 35.453 |
| Kobalt | Cobalt | Co | 27 | 58.9332 |
| Kripton | Krypton | Kr | 36 | 83.80 |
| Kromium | Chromium | Cr | 24 | 51.996 |
| Kuprum | Copper | Cu | 29 | 63.546 |
| Kurium | Curium | Cm | 96 | [247] |
| Lantanum | Lanthanum | La | 57 | 138.9055 |
| Lawrensium | Lawrencium | Lr | 103 | [260] |
| Litium | Lithium | Li | 3 | 6.941 |
| Lutetium | Lutetium | Lu | 71 | 174.97 |
| Magnesium | Magnesium | Mg | 12 | 24.305 |
| Mangan | Manganese | Mn | 25 | 54.9380 |
| Mendelevium | Mendelevium | Md | 101 | [258] |
| Merkuri | Mercury | Hg | 80 | 200.59 |

| Unsur | Element | Simbol | Nombor | Berat |
|---|---|---|---|---|
| Molibdenum | Molybdenum | Mo | 42 | 95.94 |
| Natrium | Sodium | Na | 11 | 22.98977 |
| Neodimium | Neodymium | Nd | 60 | 144.24 |
| Neon | Neon | Ne | 10 | 20.179 |
| Neptunium | Neptunium | Np | 93 | 237.0482 |
| Nikel | Nickel | Ni | 28 | 58.70 |
| Niobium | Niobium | Nb | 41 | 92.9064 |
| Nitrogen | Nitrogen | N | 7 | 14.0067 |
| Nobelium | Nobelium | No | 102 | [259] |
| Oksigen | Oxygen | O | 8 | 15.9994 |
| Osmium | Osmium | Os | 76 | 190.2 |
| Paladium | Palladium | Pd | 46 | 106.4 |
| Platinum | Platinum | Pt | 78 | 195.09 |
| Plumbum, | Lead | Pb | 82 | 207.2 |
| Plutonium | Plutonium | Pu | 94 | [244] |
| Polonium | Polonium | Po | 84 | [209] |
| Prometium | Promethium | Pm | 61 | [145] |
| Prasedimium | Praseodymium | Pr | 59 | 140.9077 |
| Protaktinium | Protactinium | Pa | 91 | 231.0359 |
| Radium | Radium | Ra | 88 | 266.0254 |
| Radon | Radon | Rn | 86 | [222] |
| Renium | Rhenium | Re | 75 | 186.207 |
| Rodium | Rhodium | Rh | 45 | 102.9055 |
| Rubidium | Rubidium | Rb | 37 | 85.4678 |
| Rutenium | Ruthenium | Ru | 44 | 101.07 |
| Samarium | Samarium | Sm | 62 | 150.4 |
| Selenium | Selenium | Se | 34 | 78.96 |
| Serium | Cerium | Ce | 58 | 140.12 |
| Sesium | Caesium | Cs | 55 | 132.9054 |
| Silikon | Silicon | Si | 14 | 28.0855 |
| Skandium | Scandium | Sc | 21 | 44.9559 |
| Stanum,timah | Tin | Sn | 50 | 118.69 |
| Strontium | Strontium | Sr | 38 | 87.62 |
| Sulfur,belereng | Sulfur | S | 16 | 32.06 |
| Talium | Thallium | Tl | 81 | 204.37 |
| Tantalum | Tantalum | Ta | 73 | 180.9479 |
| Teknetium | Technetium | Tc | 43 | [97] |
| Telurium | Tellurium | Te | 52 | 127.60 |
| Terbium | Terbium | Tb | 65 | 158.9254 |
| Titanium | Titanium | Ti | 22 | 47.90 |
| Torium | Thorium | Th | 90 | 232.0381 |
| Tulium | Thulium | Tm | 69 | 168.9342 |
| Tungsten | Tungsten | W | 74 | 183.85 |
| Uranium | Uranium | U | 92 | 238.029 |
| Vanadium | Vanadium | V | 23 | 50.914 |
| Xenon | Xenon | Xe | 54 | 131.30 |
| Zink | Zinc | Zn | 30 | 65.38 |
| Zirkonium | Zirconium | Zr | 40 | 91.22 |

---

nilai dalam kurungan menunjukkan nombor jisim bagi isotop yang paling stabil



-ooOoo-